

07 JUN 2003

AGONG HADIRI MAJLIS JAMUAN TEH SEMPENA KEPUTERAAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berangkat menghadiri jamuan teh sempena sambutan Hari Keputeraan Seri Paduka di Istana Negara di sini, petang ini.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat di samping kenamaan lain termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Antara lebih 3,000 tetamu yang menghadiri majlis berkenaan ialah menteri-menteri kabinet, duta-duta asing, orang kenamaan, pegawai kanan kerajaan dan wakil pihak swasta.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kombo Radio Televisyen Malaysia (RTM) di bawah pimpinan Hassan Ahmad dengan diiringi penyanyi Azhar Shariff dan Rohimi Sobeng.

Kemuncak majlis ialah pemotongan kek oleh Seri Paduka berdua dengan disaksikan tetamu yang hadir.

Pasangan diraja juga berkenan meluangkan masa bersalaman dengan para jemputan sebelum berangkat pulang.

-- BERNAMA

RAM HM ROS